

## Pengenalan

Pensejarahan secara umumnya merujuk kepada penulisan sejarah atau karya sejarah.<sup>1</sup> Ia merupakan proses terakhir dalam penyelidikan kajian sejarah. Dalam penulisan sejarah moden yang mula dipelopori oleh Leopard von Ranke, pada pendapat beliau, tujuan utama pengkajian sejarah adalah bagi memaparkan sesuatu peristiwa seperti ia benar-benar berlaku (*wei es eigentlich gewesen*)<sup>2</sup> Walau bagaimanapun, pada pendapat saya, saya lebih bersetuju dengan pandangan ahli sejarah yang lain seperti Benedetto Croce yang menganggap bahawa sejarah merupakan kajian dan pemikiran sejarawan masa kini terhadap masa lalu melalui sumber-sumber yang didapatinya.<sup>3</sup> Ataupun seperti pandangan R.G Collingwood dan E.H.Carr yang menganggap bahawa sejarah yang tepat muncul daripada konsep “seperti sebenarnya berlaku” adalah mustahil untuk dicapai dan ditulis sepenuhnya.<sup>4</sup> Pada saya, pandangan yang lebih rasional seperti ini berjaya menidakkan bahawa penulisan sesebuah sejarah itu adalah sesuatu yang bersifat muktamad dan paling penting membolehkan setiap penulisan sejarah itu dinilai semula dan ditambah baik menggunakan sumber baru atau kaedah penyelidikan yang berbeza bagi menghasilkan sebuah karya yang seberapa hampir dengan kebenaran. Seperti apa yang dikatakan oleh Azmi Arifin “dalam proses mencari sesuatu kebenaran sejarah yang objektif itu, tidak dapat dielakkan berlakunya perbezaan pendapat dan perubahan tafsiran dalam kalangan ahli sejarah kerana didorong oleh penemuan bukti-bukti baru yang menggalakkan wujudnya perdebatan dan pentafsiran baharu.”<sup>5</sup>

Pada pendapat saya, hanya melalui pemahaman yang jelas mengenai disiplin sejarah yang telah saya nyatakan sebentar tadi, akan membolehkan kita melakukan sebuah

---

<sup>1</sup> Khoo Kay Kim, “Panji-panji Gemerlap: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu” dalam Muhammad Abu Bakar, Amarjit Kaur dan Abdullah Zakaria Ghazali (peny.), *Historia*, Kuala Lumpur: The Malaysian Historical Society, 1984, Hlm 175

<sup>2</sup> Muhd. Yusof Ibrahim & Mahayudin Haji Yahya, *Sejarah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, Hlm 280

<sup>3</sup> Ibid, Hlm 296

<sup>4</sup> Ibid, Hlm 297

<sup>5</sup> Azmi Arifin, “Pendahuluan” dalam Azmi Arifin dan Abdul Rahman Haji Ismail (peny.), ‘Di Sebalik Tabir’ *Sejarah Politik Malaysia 1945-1957*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2016, Hlm ix

perbincangan dan analisis mengenai pensejarahan Malaysia. Kita akan berupaya untuk mentafsir dengan baik setiap kronologi perubahan atau kewajaran isu-isu yang telah dibangkitkan dalam perkembangan penulisan sejarah misalnya yang bermula daripada penulisan sejarah tradisional seperti karya abad ke-17 *Sejarah Melayu* sehingga kepada penulisan sejarah moden pada hari ini.

Jika diteliti semula, permulaan abad ke-20 telah menandakan satu titik perubahan dalam perkembangan pensejarahan Tanah Melayu.<sup>6</sup> Antara perkembangannya ialah mengenai perbahasan ahli sejarah tentang isu Sentrik yang bermula pada awal tahun 1950-an.<sup>7</sup> Sebelum melihat apakah faktor penggerak kepada perbahasan ini, mahupun inti pati perbahasan, kita perlu faham terlebih dahulu secara umumnya apa yang dimaksudkan sebagai Sentrik.

Sentrik merupakan satu kecenderungan atau satu pandangan yang tertumpu kepada sesuatu perkara. Ia merupakan unsur yang boleh muncul dalam pendekatan yang digunakan atau tema yang digunakan dalam penulisan sejarah.<sup>8</sup> Dalam bahasa mudahnya, sesebuah penulisan sejarah itu boleh bersentrik China, bersentrik Eropah atau bersentrik Malaysia. Perbahasan mengenai isu Sentrik dalam pensejarahan Tanah Melayu pada awal tahun 1950-an tersebut adalah berkisar kan tentang Eropah Sentrik dan Asia Sentrik.

### Faktor penggerak perbahasan isu Sentrik

Pada pandangan saya, terdapat dua faktor penggerak utama yang menyebabkan isu Sentrik ini dibahaskan oleh ahli sejarah sama ada ahli sejarah tempatan mahupun ahli sejarah Barat pada awal 1950-an.

---

<sup>6</sup> Khoo Kay Kim, “Historiography of Peninsular Malaysia: Past and Present” dalam John A.Lent and Kent Mulliner (peny.), *Malaysian Studies : Archeology, Historiography, Geography, and Bibliography*, Northern Illinois University, Center for Southeast Asian Studies, 1986, Hlm 92

<sup>7</sup> Cheah Boon Kheng (peny.), *New Perspectives and Researches on Malaysian History (Essays on Malaysian Historiography)*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2007, Hlm 1

<sup>8</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka “Gerbang Kata Bagi Istilah Sentrik” dalam *Laman Sesawang Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka*, <http://ekamus.dbp.gov.my/Default.aspx> (diakses pada Oktober 10, 2018)

Pertamanya adalah kerana, akibat kemunculan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat tempatan akibat pendudukan Jepun di Tanah Melayu yang bermula pada 8 Disember 1941 sehingga 15 Ogos 1945, sewaktu Perang Asia Pasifik berlaku. Ia telah membuka mata masyarakat tempatan tentang kekejaman kolonialisme dan menyebabkan mereka tidak lagi bergantung harap kepada pihak kolonial Barat<sup>9</sup> walaupun selepas kedatangan British semula ke Tanah Melayu selepas pengunduran Jepun pada tahun 1945. Dari segi penulisan, perperangan telah memisahkan penulisan tradisional lama yang lebih berkisarkan tentang sejarah negeri, institusi kesultanan dan adat istiadat seperti *Misa Melayu* tulisan Raja Chulan tentang sejarah negeri Perak<sup>10</sup> kepada penulisan yang boleh dikatakan sebagai karya peralihan yang memberikan kesedaran kepada orang Melayu seperti tulisan Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Yaakob, A.Samad Said, Za’ba, Buyong Adil dan Shahnon Ahmad.<sup>11</sup> Karya Ibrahim Yaakob, misalnya *Sejarah dan Perjuangan di Malaya*, atau pada tahun 1941 iaitu *Melihat Tanah Air* telah mengkritik sikap golongan elit Melayu yang dilihat tidak mahu melihat arus perkembangan politik orang Melayu.<sup>12</sup> Semangat perjuangan kebangsaan yang tinggi ini telah membawa kepada penentangan drastik masyarakat tempatan terhadap Malayan Union yang ditubuhkan pada 1 April 1946-31 Januari 1948 sehinggalah perubahannya kepada penggubalan perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang merupakan satu langkah dekolonialisasi Barat iaitu proses persediaan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri.<sup>13</sup>

---

<sup>9</sup> Mat Zin Mat Kib “Sejarah Borneo Utara 1945-1957: Isu-isu Terseret dalam Sejarah Malaysia” dalam Azmi Arifin dan Abdul Rahman Haji Ismail (peny.), ‘Di Sebalik Tabir’ *Sejarah Politik Malaysia 1945-1957*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2016, Hlm 244

<sup>10</sup> Cheah Boon Keng, “Writing Indigenous History in Malaysia: A survey on approaches and problems”, *Crossroads*, Jil 10, No.2, 1997, Hlm 39

<sup>11</sup> Abu Talib Ahmad, “Muzium, Memorial dan Perjuangan Kemerdekaan, 1945-1957” dalam Azmi Arifin dan Abdul Rahman Haji Ismail (peny.), ‘Di Sebalik Tabir’ *Sejarah Politik Malaysia 1945-1957*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2016, Hlm 111

<sup>12</sup> Khoo Kay Kim, “Panji-panji Gemerlap: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu” dalam Muhammad Abu Bakar, Amarjit Kaur dan Abdullah Zakaria Ghazali (peny.), *Historia*, Kuala Lumpur: The Malaysian Historical Society, 1984, Hlm 188

<sup>13</sup> Mat Zin Mat Kib “Sejarah Borneo Utara 1945-1957: Isu-isu Terseret dalam Sejarah Malaysia” dalam Azmi Arifin dan Abdul Rahman Haji Ismail (peny.), ‘Di Sebalik Tabir’ *Sejarah Politik Malaysia 1945-1957*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2016, Hlm 245

Pada pendapat saya, struktur perubahan penting politik di Tanah Melayu berkenaan telah membawa kepada penubuhan Jabatan Sejarah Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1949<sup>14</sup> yang merupakan faktor kedua yang mencetuskan perbahasan isu Sentrik. Pada awal penubuhan Universiti Malaya dengan diketuai oleh Profesor C.N.Parkinson, beliau telah menggalakkan rakan pensyarah dan pelajarnya bagi melakukan kajian penyelidikan tentang sejarah negara. Walau bagaimanapun, menurut Khoo Kay Kim pada awal 1950-an tersebut, tema penulisan ahli akademik profesional Universiti Malaya Singapura seperti Parkinson, Cowan dan Harrison dalam *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* (JMBRAS) masih dilihat memberikan penekanan kepada kehadiran kuasa kolonial di Tanah Melayu.<sup>15</sup> Maka, pada pandangan saya, ia masih tidak jauh berbeza dengan penulisan awal tentang sejarah Tanah Melayu yang telah dihasilkan oleh sarjana pentadbir kolonial pada tahun 1874-1941, yang bertujuan untuk membanggakan pemerintahan British<sup>16</sup> seperti karya Frank Swettenham pada tahun 1906, *British Malaya* atau karya R.J Wilkinson, *A History of the Peninsular Malays* pada tahun 1923.<sup>17</sup>

Namun, akhirnya keadaan ini disedari oleh C.N.Parkinson, Ketua Jabatan Sejarah dan Profesor Raffles Universiti Malaya Singapura, menyebabkan beliau mengubah pendekatan pengajaran sejarah di universiti tersebut daripada berbentuk kolonial, kepada keperluan menjadikan sejarah Malaya sebagai asas yang utama, bukannya Eropah di Malaya.<sup>18</sup> Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 yang menjadi tanda bahawa Tanah Melayu telah bebas daripada cengkaman penjajah, ia telah menjadi satu titik kesedaran yang

<sup>14</sup> Khoo Kay Kim “Malaysian Historiography: A Further Look”, *Kajian Malaysia*, Jil 10, No.1, 1992, Hlm 37

<sup>15</sup> Khoo Kay Kim, “Historiography of Peninsular Malaysia: Past and Present” dalam John A.Lent and Kent Mulliner (peny.), *Malaysian Studies : Archeology, Historiography, Geography, and Bibliography*, Northern Illinois University, Center for Southeast Asian Studies, 1986, Hlm 98

<sup>16</sup> Lim Teck Ghee, “Penulisan Tradisional Dan Baru Tentang Sejarah Malaysia” *Forum Sejarah Pertama Universiti Sains Malaysia*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 1971, Hlm 9-10

<sup>17</sup> Khoo Kay Kim, “Historiography of Peninsular Malaysia: Past and Present” dalam John A.Lent and Kent Mulliner (peny.), *Malaysian Studies : Archeology, Historiography, Geography, and Bibliography*, Northern Illinois University, Center for Southeast Asian Studies, 1986, Hlm 92-93

<sup>18</sup> Qasim Ahmad, “Kontroversi Pendekatan Europe-Centric-Malaysia-Centric: Suatu Tinjauan Semula” dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000, Hlm 23

lebih signifikan bahawa pensejarahan Tanah Melayu selama ini telah diambil alih oleh ahli sejarah Barat yang menyebabkan ia dipenuhi dengan peristiwa Barat di Tanah Melayu.<sup>19</sup>

Kronologi peristiwa penting ini telah menjadi lebih signifikan apabila Universiti Malaya cawangan Kuala Lumpur ditubuhkan pada 15 Januari 1959. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya Kuala yang diketuai oleh Profesor John Bastin telah menjadi pusat utama bagi penyelidikan dan kajian sejarah Tanah Melayu.<sup>20</sup> Menurut Tan Liok Ee, kewujudan kedua-dua Universiti Malaya ini telah melahirkan lebih banyak ahli sejarah profesional yang terdiri daripada pensyarah atau profesor Sejarah ekspatriat Barat seperti C.N.Parkinson, K.G Treggong dan John Bastin sehingga melahirkan generasi pertama ahli sejarah profesional tempatan seperti Zainal Abidin Abdul Wahid yang mula berpegang pada kaedah kajian yang dianggap lebih bersifat ilmiah berbanding yang digunakan oleh ahli sejarah amatuer dua tiga dekad sebelum itu.<sup>21</sup> Maka, kewujudan ramai ahli sejarah profesional yang berminat mengenai pensejarahan Asia Tenggara khususnya sejarah Tanah Melayu pada ketika itu, telah mencetuskan perbahasan mengenai isu Sentrik sama ada bersifat Asia atau Eropah.

### **Isu Penting Yang Ditimbulkan Dalam Perbahasan**

Sebelum kita meneliti perbahasan lanjut ahli sejarah tentang isu Sentrik di Tanah Melayu, suka untuk saya tekankan bahawa sebenarnya pada awal tahun 1950-an, isu Sentrik ini telah dibahaskan lebih awal berbanding perbahasannya oleh ahli sejarah di Tanah Melayu, iaitu pada peringkat antarabangsa melalui persidangan *Historical Writing on The People of Asia* di London School of Oriental and African Studies pada Julai 1956<sup>22</sup> atas kesedaran bahawa

---

<sup>19</sup> Khoo Kay Kim, “Historiography of Peninsular Malaysia: Past and Present” dalam John A.Lent and Kent Mulliner (peny.), *Malaysian Studies : Archeology, Historiography, Geography, and Bibliography*, Northern Illinois University, Center for Southeast Asian Studies, 1986, Hlm 101

<sup>20</sup> Ibid, Hlm 102

<sup>21</sup> Tan Liok Ee, “Menulis Sejarah Malaysia: Beberapa Persoalan Tentang Pendekatan dan Kaedah Kajian” dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000, Hlm 3-4

<sup>22</sup> D.G.E Hall, *East Asian History Today*, Hong Kong: Hong Kong University Press, 1959, Hlm 10

penulisan sejarah negara-negara di Asia Tenggara yang telah ditulis oleh sarjana Barat terutamanya sarjana pentadbir sebelum Perang Dunia Kedua, secara keseluruhan bersifat Eropah Sentrik yang memberikan fokus kepada aktiviti penjajahan Eropah di Asia Tenggara. Persidangan berkenaan yang dihadiri lebih daripada 80 sarjana dalam bidang pencejarahan Asia terdiri daripada ahli sejarah Asia, Eropah dan Afrika<sup>23</sup> telah memberikan satu pengaruh yang besar dengan kritikan terhadap Eropah Sentrik dan kesedaran penulisan dengan melihat sejarah Asia melalui kaca mata orang Asia.

Melalui *East Asian History Today* tulisan Profesor D.G.E.Hall pada tahun 1959 yang mencatatkan keseluruhan hujah penting perbahasan semasa persidangan tersebut, ada isu yang telah dibangkitkan oleh Professor D.G.E Hall yang pada pendapat saya, perlu diberikan penekanan kerana ia tidak begitu ditimbulkan semasa perbahasan Eropah Sentrik dan Asia Sentrik ini mula dibahaskan oleh ahli sejarah di Tanah Melayu, menjelang tahun 1958. Profesor D.G.E. Hall telah menyuarakan pandangan bahawa pendekatan penulisan yang telah mereka gunakan sebelum ini terlalu banyak dipengaruhi oleh keasyikan tertentu yang wujud dalam latihan dan pandangan mereka sendiri.<sup>24</sup>

Sebagai contoh, beliau telah mengkritik *Asia and Western Dominance* (1953) tulisan K.M Panikkar, dengan mengelar ia sebagai “*a piece of juggling*” iaitu sebuah karya yang bertujuan untuk memanipulasi, di mana Panikkar menggunakan kaedah penulisan dengan cara mengalihkan perhatian pembaca daripada perkara yang dia tidak mahu pembaca sedari dan dia cuba memanipulasi dengan membuatkan kita percaya, gambaran yang diceritakan olehnya adalah perkara yang benar.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> Brian Harrison, “Foreword” dalam D.G.E Hall, *East Asian History Today*, Hong Kong: Hong Kong University Press, 1959, Hlm i

<sup>24</sup> A.W.Macdonald “The Application Of A South East Asia-Centric Conception of History to Mainland South East Asia” dalam D.G.E. Hall (peny.), *Historians of South East Asia*, London: Oxford University Press, 1961, Hlm 326

<sup>25</sup> D.G.E Hall, *East Asian History Today*, Hong Kong: Hong Kong University Press, 1959, Hlm 5-6

Hall telah memberikan contoh fakta manipulasi Pandikar seperti dalam petikan di bawah,

For instance, you will find that he exaggerates tremendously the western impact upon Asia, which was very slight indeed before the middle of the nineteenth century. To look at Asia history from 1498 to 1949 as a ‘da Gama epoch’ is utterly frivolous because it leaves the main body of Asian history.<sup>26</sup>

Tegas Profesor D.G.E Hall, ini merupakan salah satu bentuk penulisan Eropah Sentrik yang akan susah dikenal pasti oleh ahli sejarah selepas era perang.<sup>27</sup> A.W.Macdonald telah memberi satu respons langsung kepada kritikan Profesor D.G.E Hall. Melalui penulisannya dalam *The Application of a South East Asia-Centric Conception of History to Mainland South East Asia*, beliau telah bersetuju dengan mengatakan “Di Barat, kami mempunyai kecenderungan untuk menulis sejarah Asia Tenggara seperti mana kami biasa melihat budaya dan identiti kami sendiri”<sup>28</sup> Secara rumusannya pendapat beliau dapat dilihat melalui tulisannya dalam petikan di bawah.

Struktur masyarakat Asia Tenggara yang terdiri daripada pelbagai kelompok masyarakat yang berbeza, sama ada pada masa lepas ataupun masyarakat pada hari ini, masih belum dikaji. Perspektif pensejarahan orang Barat pada pendapat saya, adalah tidak lengkap namun orang Timur masih belum menyedari keperluan untuk menulis sejarah mereka sendiri. Saya ingin melihat lebih banyak penulisan oleh orang Asia Tenggara kerana mereka akan menjelaskan kepada kita, orang Barat, tentang apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh penulisan yang berkonsepkan Asia Tenggara Sentrik. Sekiranya pensejarahan Asia Tenggara hanya dibahagikan kepada tiga zaman pentadbiran kolonial iaitu British, Belanda dan Perancis, kita tidak akan dapat memahami sejarah Asia Tenggara secara berkesinambungan dan menyeluruh.<sup>29</sup>

Pada pendapat saya, inti pati gesaan beliau dalam petikan di atas, mempunyai banyak persamaan dengan perkara yang mula ditimbulkan dalam perbahasan isu Sentrik oleh ahli sejarah di Tanah Melayu.

---

<sup>26</sup> D.G.E Hall, *East Asian History Today*, Hong Kong: Hong Kong University Press, 1959, Hlm 6

<sup>27</sup>Ibid, Hlm 7

<sup>28</sup> A.W.Macdonald “The Application Of A South East Asia-Centric Conception of History to Mainland South East Asia” dalam D.G.E. Hall (peny.), *Historians of South East Asia*, London: Oxford University Press, 1961, Hlm 327

<sup>29</sup> Ibid, Hlm 327-334

Jika dilihat dari sudut perbahasan isu Sentrik di Tanah Melayu, pada tahun 1958, Pensyarah Kanan Universiti Malaya Singapura, K.G. Tregonning merupakan antara ahli sejarah yang paling awal yang melontarkan pandangan bahawa penulisan sejarah Tanah Melayu perlu diteliti semula. Menurut beliau dalam akhbar *The Straits Times* pada 24 November 1958 “Ramai ahli sejarah Barat terdahulu telah berdiri jauh dan mentafsir Malaya daripada pejabat pusat kolonial atau daripada dek kapal orang Asing. Saya ingin anda berdiri bersama saya di tepi pantai, menunggu kedatangannya. Kerana hanya itu posisi sebenar bagi seorang sejarawan Malaya.”<sup>30</sup> Dalam bahasa mudahnya, apa yang cuba disampaikan oleh K.G. Tregonning adalah, beliau menyeru agar penulisan sejarah di Tanah Melayu tidak lagi ditulis melalui pandangan luaran Eropah Sentrik, dengan menceritakan tentang Eropah di Tanah Melayu, namun ia perlu ditulis dari dalam, iaitu tentang masyarakat Tanah Melayu yang dijadikan sebagai fokus utama. Maka, kenyataan K.G Tregonning ini telah mencetuskan satu medan perbahasan, tindak balas serta respons dalam kalangan ahli sejarah lain di Tanah Melayu.

Profesor pertama Jabatan Sejarah bagi Universiti Malaya cawangan Kuala Lumpur iaitu Professor John Bastin daripada Australia yang dilantik mulai sesi pertama 1959/1960, semasa syarahan lantikannya<sup>31</sup>, telah memberikan satu respons langsung kepada kenyataan K.G. Tregonning pada tahun 1959 dengan menyuarakan persoalan iaitu siapa yang layak untuk menulis dari perspektif Asia Sentrik atau Malaya Sentrik dan bilakah pensejarahan yang mempunyai perspektif seperti itu dapat dihasilkan.<sup>32</sup> Persoalan itu dibangkitkan kerana menurut John Bastin, dengan memetik semula pandangan Profesor Peiter Geyl, iaitu walau bagaimana murni sekalipun hasrat sarjana Barat ingin mengabaikan pendekatan penulisan

---

<sup>30</sup> Khoo Kay Kim “Malaysian Historiography: A Further Look”, *Kajian Malaysia*, Jil 10, No.1, 1992, Hlm 44

<sup>31</sup> Khoo Kay Kim, “The Department” dalam Muhammad Abu Bakar, Amarjit Kaur dan Abdullah Zakaria Ghazali (peny.), *Historia*, Kuala Lumpur: The Malaysian Historical Society, 1984, Hlm xiii

<sup>32</sup> John Bastin, *The Western Element in Modern Southeast Asian History*, Kuala Lumpur: Department of History University Malaya, 1960, Hlm 17

bersifat Eropah Sentrik, mereka tidak akan dapat lari daripada latar belakang kebudayaannya sendiri.<sup>33</sup> John Bastin juga mempertikaikan kredibiliti sarjana tempatan Asia sendiri untuk menghasilkan penulisan dengan menggunakan pendekatan Asia Sentrik dengan hujah bahawa sejumlah besar sumber sejarah yang ada terutamanya semasa zaman penjajahan, adalah merupakan sumber-sumber Barat menyebabkan sarjana Asia tidak akan dapat mengelakkan diri daripada menggunakan sumber berkenaan.<sup>34</sup> Kemudian, kata John Bastin, majoriti sarjana Asia yang ada, telah dilatih di bawah tradisi Barat malah bentuk penulisan sedia ada yang mereka hasilkan pun, adalah sejarah dalam tradisi Barat.<sup>35</sup> Bastin turut menggelar tindakan menggunakan pendekatan Asia Sentrik ini berbahaya, ibarat satu propaganda kerana tindakan seperti apa yang dikatakan Tregonning iaitu “orang Portugis dan Belanda begitu tidak penting dan merupakan elemen luaran semata” telah menyeleweng daripada hakikat sebenar. Hujah yakin John Bastin ini yang menunjukkan elemen Barat tetap akan ada dalam pensejarahan Asia telah menyebabkan lebih ramai ahli sejarah tampil dan memberikan respons balas kepada John Bastin.<sup>36</sup>

D.P Singhal telah memberikan pendapat tentang pandangan John Bastin dalam *Journal of Southeast Asian History*, terbitan September 1960. Beliau tidak bersetuju apabila Bastin seolah-olah membezakan setiap ahli sejarah berdasarkan budaya masing-masing. Hal ini kerana, menurut Singhal, apabila seseorang ahli sejarah melalukan penafsiran sumber dan kritikan terhadap sesuatu peristiwa pada masa lampau, beliau berpandukan kepakarannya sebagai seorang ahli sejarah semata-mata, dan bukannya menafsir dan menulis berpandukan

---

<sup>33</sup> Cheah Boon Keng, “Writing Indigenous History in Malaysia: A survey on approaches and problems”, *Crossroads*, Jil 10, No.2, 1997, Hlm 52

<sup>34</sup> Qasim Ahmad, “Kontroversi Pendekatan Europe-Centric-Malaysia-Centric: Suatu Tinjauan Semula” dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000, Hlm 25

<sup>35</sup> John Bastin, *The Western Element in Modern Southeast Asian History*, Kuala Lumpur: Department of History University Malaya, 1960, Hlm 17-18

<sup>36</sup> Qasim Ahmad, “Kontroversi Pendekatan Europe-Centric-Malaysia-Centric: Suatu Tinjauan Semula” dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000, Hlm 24-25

ciri etnik yang ada dirinya.<sup>37</sup> Saya bersetuju dengan pendapat D.P Singhal ini, kerana bagi menghasilkan sebuah penulisan sejarah yang bersifat paling hampir dengan kebenaran, ahli sejarah perlu melakukan penyelidikan sejarah melalui proses penting iaitu heuristik dan kritik,<sup>38</sup> maka andai kita bersetuju dengan pandangan John Bastin, satu persoalan lebih rumit berbanding isu Sentrik akan timbul iaitu adakah semua karya sejarah di dunia yang dihasilkan oleh sarjana Asing bersifat kebudayaan mereka dan tidak memaparkan peristiwa sejarah yang sebenar?

Selain D.P Singhal, pada tahun yang sama, S.M Ponniah turut cuba mempertahankan pendekatan Asia Sentrik melalui artikel *Some Observations on the Writing of Southeast Asian History* bahawa sejarah Asia Tenggara yang ditulis dengan menggunakan pendekatan Asia Sentrik tidak akan memperkecilkan kepentingan pertembungan Eropah dengan Asia kerana Eropah juga ada sumbangannya kepada sejarah Asia Tenggara.<sup>39</sup>

Medan perbahasan isu Sentrik diteruskan lagi apabila pada tahun 1961, John R.W.Smail telah mengkritik secara kritis permasalahan isu Sentrik melalui artikel *On The Possibility of an Autonomous History of Modern Southeast Asia*. Pertama, John Smail berpendapat “kekeliruan yang paling ketara dalam perbincangan krisis pensejarahan ini adalah istilah Eropah Sentrik dan Asia Sentrik”<sup>40</sup> Hal ini kerana, bagi Smail, pendekatan Asia Sentrik bermakna, ia akan menonjolkan orang Asia tempatan sebagai watak utama sejarah dalam penulisan mereka, dan bagi Eropah Sentrik, sebaliknya di mana ia lebih menonjolkan orang Eropah sebagai watak utama. Maka, perbahasan yang ditimbulkan oleh Bastin, seperti

---

<sup>37</sup> Qasim Ahmad, “Kontroversi Pendekatan Europe-Centric-Malaysia-Centric: Suatu Tinjauan Semula” dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000, Hlm 24-25 Hlm 28

<sup>38</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia, 1994, Hlm 70

<sup>39</sup> Qasim Ahmad, “Kontroversi Pendekatan Europe-Centric-Malaysia-Centric: Suatu Tinjauan Semula” dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000, Hlm 28

<sup>40</sup> John R.W Smail, “On the Possibility of an Autonomous History of Modern Southeast Asia”, *Journal of Southeast Asian History*, Jil .2, No.2, July, Hlm 73

pengadilan moral dan latar belakang kebudayaan penulis adalah bukan isu yang wajar dicampur adukkan dalam perbahasan isu Sentrik. Contohnya, penulisan yang bersentrik Asia tidak semestinya menjatuhkan pengadilan bahawa kolonialisme adalah sesuatu yang kejam, sebaliknya boleh juga menjatuhkan pengadilan kejam itu kepada orang Asia. Kemudian, tidak semestinya penulis sejarah Barat yang mempunyai latar belakang budaya Barat, tidak akan dapat menghasilkan karya bersifat Asia Sentrik hanya semata-mata kerana berbeza budaya.<sup>41</sup> Saya amat bersetuju dengan hujah Smail yang dilihat lebih rasional. Jika diteliti, karya J.M.Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, 1958, karya W.R.Roff *The Origins of Malay Nationalism*, 1967 boleh dijadikan bukti karya sarjana Eropah yang memberikan fokus tentang masyarakat tempatan dan institusi tempatan dan ia berjaya menyumbang kepada pemahaman lebih baik mengenai perkembangan masyarakat Malaysia secara keseluruhan walaupun ia ditulis oleh sarjana Barat.<sup>42</sup>

Selepas mengkritik permasalahan isu Sentrik, Smail tampil dengan cadangan kaedah penulisan menggunakan istilah baru iaitu sejarah Asia Tenggara yang bersifat autonomi, iaitu tidak mencukupi hanya dengan menjadikan orang tempatan sebagai watak utama tetapi penting untuk menekankan bahawa tujuan utama perubahan perspektif ialah untuk mengesan kesinambungan sejarah yang berakarumbikan masyarakat tempatan.<sup>43</sup>

Seterusnya, menjelang tahun 1963, seorang ahli sejarah tempatan, Zainal Abidin Abdul Wahid, melontarkan sokongannya terhadap isu Sentrik. Bagi Zainal Abidin, perbezaan nilai budaya Eropah menghalang mereka daripada memahami dan menghargai sejarah tempatan. Dengan bangganya Zainal Abidin berkata “tiada siapa pun dapat memahami orang Melayu

---

<sup>41</sup> Qasim Ahmad, “Kontroversi Pendekatan Europe-Centric-Malaysia-Centric: Suatu Tinjauan Semula” dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000, Hlm 28-29

<sup>42</sup> Khoo Kay Kim “Recent Advances in The Study And Writing Of Malaysian History” dalam Peninjau Sejarah (*Journal of The Teachers’ Association Malaya*), Vol 3, No 1, Kuala Lumpur: Hee Meng Press, 1968 Hlm 7

<sup>43</sup> Tan Liok Ee, “Menulis Sejarah Malaysia: Beberapa Persoalan Tentang Pendekatan dan Kaedah Kajian” dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000, Hlm 5

lebih baik daripada orang Melayu sendiri”<sup>44</sup> Ironinya, isu yang dibangkitkan oleh beliau, pada pendapat saya, adalah sama seperti apa yang dilaung-laungkan oleh John Bastin. Cumanya, John Bastin menggunakan isu tersebut untuk membela penulisan Barat yang bersifat Eropah Sentrik. Secara logik akal, andai kata sarjana tempatan itu dibesarkan dalam persekitaran Barat, malah mendapat latihan ilmiah sepenuhnya di negara Eropah, adakah beliau mampu memahami orang Melayu sebaiknya dan semestinya akan menulis bersentrikkan Asia? Bagi saya tidak. Terlalu subjektif dan tidak relevan jika isu kebudayaan dan latar belakang penulis ingin dijadikan ukuran.

Tahun 1965, Rollins Bonney dalam artikel *Ke Arah Penulisan Sejarah Malaysia*, turut serta dalam perbahasan isu Sentrik dengan hujah lebih rasional di mana beliau menyifatkan perbahasan isu Sentrik ini sebenarnya berpunca daripada ketidakfahaman tentang masalah sebenar sehingga beliau telah menganggap perbahasan tersebut sebagai satu perang kertas yang telah menjadi krisis dalam pensejarahan Malaysia.<sup>45</sup> Masalah sebenar bukan mengenai siapa penulis, atau apa budayanya, tetapi lebih kepada bagaimana personaliti sejarah itu ditampilkan. Contoh penulisan yang perlu dilakukan, dapat dilihat melalui petikan di bawah.

Seperti Pulau Pinang, penulis sejarah Malaysia sepatutnya mengambil perhatian hanya dengan pola-pola kejadian yang membawa kepada keputusan yang dibuat oleh Sultan Abdullah untuk menyewakan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur, pertimbangan-pertimbangan yang sentiasa ada difikirkannya...<sup>46</sup>

Pandangan Bonney tersebut pada saya, mirip dengan apa yang kemudiannya diutarakan oleh Khoo Kay Kim. Beliau telah memberikan satu solusi, iaitu penulisan semula Sejarah Malaysia, bermakna ahli sejarah sekarang sepatutnya menumpukan perhatian kepada perkara-perkara baharu yang diabaikan atau kurang diutamakan oleh ahli sejarah terdahulu.<sup>47</sup> Contoh, jika

<sup>44</sup> Qasim Ahmad, “Kontroversi Pendekatan Europe-Centric-Malaysia-Centric: Suatu Tinjauan Semula” dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000, Hlm 29-30

<sup>45</sup> Rollins Bonney, “Ke Arah Penulisan Sejarah Malaysia”, *Forum Sejarah Kedua Universiti Sains Malaysia*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 1972, Hlm 28

<sup>46</sup> Ibid, Hlm 30

<sup>47</sup> Khoo Kay Kim, “Penulisan Sejarah Sosial Malaysia”, *Jurnal Sejarah*, Jil.9, 1974, Hlm 1-2

dahulu soalan kajian yang diutamakan adalah seperti -bagaimanakah pihak British mentadbirkan Negeri-negeri Melayu dari 1874 sehingga 1941, namun sekarang mungkin ahli sejarah boleh fokus kepada persoalan – sejauh manakah masyarakat Melayu mengalami perubahan di antara 1874 dengan 1941. Pada pendapat saya, penggunaan kaedah persoalan seperti yang dicadangkan oleh Khoo Kay Kim ini akan menjamin pensejarahan Malaysia yang seimbang.

Walaupun Khoo Kay Kim mengkritik penulisan yang bersifat Eropah Sentrik seperti kritikannya terhadap karya Swettenham, *British Malaya* pada tahun 1906 yang bertujuan untuk menunjukkan pengaruh kekuasaan British terhadap negeri-negeri Tanah Melayu. Sebagai contoh, menurut Khoo Kay Kim dalam artikelnya,

“Dalam karyanya, beliau memulakannya dengan Kesultanan Melayu Melaka, namun beliau telah melangkau bahagian zaman penjajahan Melaka oleh Portugis dan Belanda kerana beliau lebih memberikan perhatian tentang asal usul dan kemajuan pengaruh British, dan telah menyambung semula pensejarahan dengan peristiwa permulaan Francis Light di Pulau Pinang, bergerak kepada pengaruh British di negeri-negeri yang lain dan berakhir dengan peristiwa pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.”<sup>48</sup>

Namun pada pandangan saya, Khoo Kay Kim juga seorang yang rasional kerana beliau turut mengkritik kelemahan yang ada pada pendekatan penulisan Malaysia Sentrik.

Saya terganggu dengan penyataan mereka yang melaungkan bahawa perlunya penulisan sejarah Malaysia daripada perspektif Malaysia kerana kesannya mereka akan tetap terus memberikan perhatian terhadap tindakan kolonial British dengan tujuan semata-mata mengamalkan sikap kritikal bagi mengutuk tindakan British menyebabkan mereka berterusan mengabaikan perkara yang penting iaitu

---

<sup>48</sup> Khoo Kay Kim, “Historiography of Peninsular Malaysia: Past and Present” dalam John A.Lent and Kent Mulliner (peny.), *Malaysian Studies : Archeology, Historiography, Geography, and Bibliography*, Northern Illinois University, Center for Southeast Asian Studies, 1986, Hlm 92

fokus terhadap perubahan dan perkembangan sosial masyarakat. Ia bermaksud, tema penulisan masih tidak berubah.<sup>49</sup>

Tegas Khoo Kay Kim pengkajian dan penulisan semula Sejarah Malaysia bukan bererti sejarah negara ini harus diteliti semula dengan tujuan membala dendam iaitu sebagai contoh, jika dahulu penulis Barat mengatakan kita bodoh dan mundur, maka sekarang dalam penulisan kita, mereka seharusnya dilayani sebagai manusia yang zalim”<sup>50</sup>

Walaupun pada 1971, ada gesaan juga daripada Dr Lim Teck Ghee iaitu penulisan sejarah Malaysia memerlukan penglibatan penulisan seramai mungkin orang Malaysia kerana kebanyakan pembinaan semula pensejarahan di negara seperti Asia, Afrika dan Amerika Latin yang ditulis oleh para sarjana asing sahaja, hasilnya sangat mengecewakan walaupun sesetengah daripada sarjana asing ini telah membuka pintu pengetahuan yang sebenar.<sup>51</sup>

Namun, pada pandangan saya, bagi menghasilkan sejarah Malaysia yang bermakna, bukan siapa yang menulis yang menjadi ukuran, namun isi kandungan pensejarahan tersebut perlu ada kesinambungan iaitu tentang masyarakat yang sudah wujud dari dulu sehingga sekarang. Maka soal kedatangan Portugis, Belanda, Inggeris tidak seharusnya menimbulkan kerumitan dalam pensejarahan Malaysia kerana ia hanyalah faktor luaran yang mempengaruhi perkembangan masyarakat Malaysia, bukan faktor utama.<sup>52</sup>

## Kesimpulan

Perbahasan berterusan mulai tahun 1950-an dan 1960-an berkenaan Eropah Sentrik dan Asia Sentrik telah memberikan lebih banyak ruang kepada perbalahan mengenai pensejarahan tempatan termasuklah dari segi metodologi pensejarahan. Menurut Cheah Boon Kheng,

<sup>49</sup> Khoo Kay Kim “Recent Advances In The Study And Writing Of Malaysian History” dalam Peninjau Sejarah (*Journal of The Teachers’ Association Malaya*), Vol 3, No 1, Kuala Lumpur: Hee Meng Press, 1968 Hlm 6

<sup>50</sup> Khoo Kay Kim, “Penulisan Sejarah Sosial Malaysia”, Jurnal Sejarah, Jil.9, 1974, Hlm 1

<sup>51</sup> Lim Teck Ghee, “Penulisan Tradisional Dan Baru Tentang Sejarah Malaysia” *Forum Sejarah Pertama Universiti Sains Malaysia*, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 1971, Hlm 14

<sup>52</sup> Khoo Kay Kim, “Penulisan Sejarah Sosial Malaysia”, Jurnal Sejarah, Jil.9, 1974, Hlm 6

menjelang 1980-an, penulisan bersifat Malaysia Sentrik telah menjadi semakin banyak dan diterima umum bahawa pensejarahan Malaysia boleh ditulis sama ada oleh ahli sejarah tempatan atau sarjana asing.<sup>53</sup> Jika dilihat, walaupun sehingga tahun 1986, masih ada ahli sejarah seperti A.C Milner dalam artikel *Colonial Records History: British Malaya* yang masih mengkritik pensejarahan Tanah Melayu sebagai masih terlalu terpengaruh oleh rekod-rekod kolonial dan perspektif kolonial. Pada pandangan Milner, kesan dan watak pihak kolonial masih nampak besar bukan kerana “hakikat sejarah” tetapi kerana ahli sejarah masih kurang mendekati kajian dari paradigma baru.<sup>54</sup> Apa yang menarik perhatian saya, pandangan Milner berkenaan seajar dengan gesaan oleh ahli sejarah mulai tahun 1970-an seperti Khoo Kay Kim, Lim Teck Ghee, Wang Gungwu, Ismail Hussein iaitu penulisan sejarah Malaysia perlu dikaji bukan hanya menumpukan pada kajian politik, tetapi juga kepada sejarah sosial dan budaya. Pengkajian sejarah sosial dan budaya akan menyebabkan ahli sejarah menerokai sumber-sumber dan kaedah pengkajian yang baru, yang berbeza dari yang digunakan ahli sejarah terdahulu, maka pensejarahan Malaysia akan dapat menjadi lebih berkesinambungan dari satu zaman ke satu zaman dan lebih menyeluruh. Maka benarlah bahawa pensejarahan itu merupakan satu tafsiran dan ia bentuk penulisan dan kaedahnya akan dikritik, ditambah baik dari zaman ke zaman. Cuma perbezaannya, jika pada awal tahun 1950-an ketika itu perbahasan yang berlaku antara ahli sejarah tempatan dan ahli sejarah Barat melibatkan isu sentrik, namun pada penghujung abad ke-20 berkenaan, kontroversi isu etnik sosial dan budaya yang menjadi perbalahan dalam kalangan ahli-ahli sejarah tempatan.<sup>55</sup>

---

<sup>53</sup> Cheah Boon Keng, “Writing Indigenous History in Malaysia: A survey on approaches and problems”, *Crossroads*, Jil 10, No.2, 1997, Hlm 60-61

<sup>54</sup> Tan Liok Ee, “Menulis Sejarah Malaysia: Beberapa Persoalan Tentang Pendekatan dan Kaedah Kajian” dalam Mahani Musa dan Tan Liok Ee (peny.), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2000, Hlm 3-4

<sup>55</sup> Cheah Boon Keng, “Writing Indigenous History in Malaysia: A survey on approaches and problems”, *Crossroads*, Jil 10, No.2, 1997, Hlm 33-34